

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SKW104 - Pengantar Isu-Isu Ekonomi

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

BAHAGIAN A

Soalan 1 **WAJIB** di jawab.

Soalan 1: Isikan jawapan anda ke dalam borang OMR. (70 markah)

1. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut tidak benar mengenai kajian ilmu ekonomi?
 - A. Kajian ilmu ekonomi adalah bersifat empiris. Iaitu berdasarkan fakta yang boleh diamati dan boleh disukat.
 - B. Kajian ilmu ekonomi lebih menekankan soal-soal normatif dalam penganalisaan masalah-masalah ekonomi.
 - C. Kajian ilmu ekonomi ialah mengenai peruntukan sumber-sumber yang terhad secara cekap untuk memenuhi kehendak-kehendak masyarakat ke paras maksimum.
 - D. Kajian ilmu ekonomi ialah salah satu daripada bidang-bidang kajian sains sosial.
2. Manakah di antara berikut yang tidak termasuk dalam bidang mikroekonomi?
 - A. Teori Pengguna
 - B. Teori Firma
 - C. Model-model struktur pasaran
 - D. Teori pengangguran


3. Apakah masalah ekonomi yang **asas** dalam sesebuah masyarakat atau negara?
 - A. Masalah menyamakan pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan dengan permintaan terhadapnya.
 - B. Masalah kekurangan yang memerlukan pilihan dibuat.
 - C. Masalah agihan pendapatan yang tidak sama rata di antara ahli-ahli masyarakat.
 - D. Masalah kemelesetan ekonomi yang menimbulkan berbagai kesan negatif terhadap ekonomi negara secara keseluruhannya.
4. Dalam sebarang masyarakat atau negara, sumber adalah terhad manakala kehendak-kehendak manusia pula tidak terhad. Masalah ini ditakrifkan sebagai:
 - A. Kekurangan pasaran
 - B. Kekurangan ekonomi.
 - C. Kekurangan penawaran
 - D. Lebihan permintaan
5. Di dalam ilmu ekonomi, kesemua perkara-perkara berikut merupakan sumber pengeluaran kecuali:

A. Buruh	C. Wang
B. Usahawan	D. Modal
6. Yang manakah di antara yang berikut bukan barang ekonomi?

A. Barang Modal	C. Barang bawahan
B. Barang Percuma	D. Barang mewah
7. Di dalam sistem ekonomi ala kapitalisme, masalah-masalah ekonomi yang asas diselesaikan melalui:
 - A. rancangan pihak perancangan pusat
 - B. kerjasama antara pihak awam dan pihak swasta
 - C. interaksi sektor luar negeri dan sektor swasta domestik
 - D. mekanisme pasaran

8. Dalam sistem ekonomi yang manakah terdapat pemilikan sumber-sumber oleh pihak swasta yang paling liberal?
- A. sistem ekonomi kapitalisme
 - B. sistem ekonomi campuran
 - C. sistem ekonomi Islam
 - D. sistem ekonomi sosialisme
9. Manakah di antara berikut tidak merupakan fungsi **asas** yang dimainkan oleh sebuah sistem ekonomi?
- A. menentukan apakah yang harus dikeluarkan
 - B. menentukan bagaimana output harus dikeluarkan
 - C. menyelesaikan soal pengagihan output
 - D. menetapkan tingkat harga kawalan bagi barang-barang keperluan asas.

Bagi No. 10 hingga 13, sila rujuk kepada Rajah 1.




10. Keluk dalam Rajah 1 dikenali sebagai:
- A. keluk kemungkinan keluaran
 - B. keluk jumlah keluaran
 - C. keluk jumlah hasil
 - D. keluk keluaran marginal





11. Dalam rajah 1, peralihan dari A ke B dan dari B ke C melibatkan:
- kos melepas yang malar
 - kos melepas yang makin menurun
 - kos melepas yang semakin meningkat
 - kos melepas yang mula-mula menurun, kemudian meningkat
12. Titik-titik A, B dan C dalam rajah 1 mencerminkan:
- gunatenaga penuh
 - allokasi sumber-sumber secara cekap
 - jumlah penawaran dalam ekonomi mencukupi untuk memenuhi jumlah permintaan
 - pertumbuhan ekonomi berlaku
- | | |
|-----------------|------------------|
| A. I sahaja | C. I dan II |
| B. I, II dan IV | D. I, II dan III |
13. Kesemua perkara berikut menyebabkan ekonomi berada pada titik R, kecuali:
- Pengangguran
 - Allokasi sumber-sumber yang kurang cekap
 - Ada pekerja yang menjalankan kerja yang tidak selaras dengan kemahirannya
 - Permintaan agregat kurang daripada penawaran agregat
14. Barang percuma ialah barang yang:
- dibekalkan dengan percuma oleh kerajaan
 - kos melepasnya sifar
 - utiliti marginalnya tetap
 - tidak mendatangkan banyak utilitinya kepada pengguna

15. Kos melepas untuk meningkatkan tingkat pelaburan supaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat ialah:
- kenaikan kos upah
 - kemungkinan bertambahnya kadar inflasi
 - kenaikan kadar bunga yang tidak dapat dielakkan
 - perlunya menangguhkan penggunaan masakini.
16. Keluk permintaan bagi sesuatu barang adalah bercerun negatif kerana penggunaan barang adalah tertakluk kepada hukum utiliti marginal semakin berkurangan. Hukum ini menyatakan bahawa:
- semakin kurang sesuatu barang yang digunakan, semakin kurang utiliti total yang diperolehi
 - semakin kurang sesuatu barang digunakan, semakin kurang utiliti marginal yang diperolehi
 - semakin banyak sesuatu barang digunakan, semakin kurang utiliti marginal yang diperolehi
 - semakin banyak sesuatu barang yang digunakan, semakin kurang utiliti total yang diperolehi
17. Jadual permintaan menunjukkan hubungan yang songsang antara harga sesuatu barang dengan kuantiti barang yang diminta, dengan andaian pembolehubah-pembolehubah lain tidak berubah. Pembolehubah-pembolehubah lain itu termasuk semua yang berikut, kecuali:
- | | |
|----------------------|--------------------------------|
| A. pendapatan | C. harga barang-barang berkait |
| B. citarasa pengguna | D. kadar cukai jualan |


Bagi No. 18 hingga 20 adalah berdasarkan Rajah 2 yang mewakili satu keluk permintaan bergaris lurus.



18. Manakah di antara perkara-perkara berikut benar mengenai keluk ini?
- A. cerun dan keanjalannya berubah-ubah
 - B. cerun dan keanjalannya malar
 - C. cerunnya malar tetapi keanjalannya berubah-ubah
 - D. cerunnya berubah-ubah tetapi keanjalannya malar
19. Titik manakah di sepanjang keluk ini menghasilkan jumlah hasil yang maksimum?
- A. R
 - B. S
 - C. T
 - D. U
20. Pilih rajah yang mewakili hubungan antara jumlah hasil (TR) dan kuantiti X (Q_x) bagi bahagian keluk permintaan yang terletak antara titik-titik T dan V.



No. 21 hingga 23 adalah berdasarkan Rajah 3. Rajah ini menunjukkan keluk-keluk permintaan dan penawaran buruh (ditandakan D_L dan S_L) dalam pasaran buruh.



Rajah 3


21. Pihak kesatuan sekerja berpendapat bahawa kadar upah yang ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran adalah terlalu rendah memandangkan kos sara hidup yang tinggi. Apakah tingkat kadar upah yang akan cuba ditetapkan oleh kesatuan sekerja bagi menjamin kebijakan para pekerja?
 - A. OW_e
 - B. OW_1
 - C. antara OW_1 dan OW_2
 - D. antara OW_e dan OW_1

22. Jika tingkat kadar upah yang wujud pada sesuatu masa ialah OW_1 , manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah benar?
 - I. pada tingkat upah OW_1 , gunatenaga dalam pasaran buruh adalah ON
 - II. pada tingkat upah OW_1 , pengangguran akan berlaku
 - III. ada pekerja-pekerja yang sanggup bekerja untuk kadar upah kurang daripada OW_1
 - IV. firma-firma sanggup bayar upah melebihi OW_1 untuk mendapat pekerja-pekerja tambahan
 - A. I sahaja
 - B. I dan II
 - C. II dan III
 - D. I, II dan III

23. Penetapan kadar upah pada tahap yang melebihi OW_e , umpamanya pada tingkat OW_1 dikenali sebagai:
 - A. Kadar upah minimum
 - B. kadar upah maksimum
 - C. kadar upah benar
 - D. kadar upah wang

24. Undang-undang yang menetapkan harga bumbung bagi rumah-rumah kos rendah pada tingkat \$25,000 akan mengakibatkan:
- Bilangan rumah yang dibina tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pembeli-pembeli rumah
 - Pembeli-pembeli rumah memberi rasuah supaya dapat memperolehi rumah yang terhad bilangannya
 - Pengagihan unit-unit rumah di kalangan pembeli-pembeli mungkin kurang adil
 - Kesemua jawapan di atas benar


No. 25 dan 26 berdasarkan Rajah 4 yang menunjukkan keluk permintaan (D_Z) dan keluk penawaran (S_Z) bagi barang Z.



Rajah 4


25. Jika harganya pada sesuatu masa ialah P_1 , maka jarak VW merupakan:
- kekurangan permintaan
 - kekurangan pasaran
 - kekurangan ekonomi
 - lebihan penawaran
26. Jika harga asal barang Z ialah P_1 , manakah di antara perkara-perkara berikut yang akan membawanya ke **harga keseimbangan P_e** ?
- Pemberian subsidi kepada pengeluar-pengeluar untuk menambah pengeluaran Z
 - Menggalakkan pengguna-pengguna untuk menambahkan penggunaan barang pengganti supaya permintaan Z akan dikurangkan.
 - Menbenarkan operasi mekanisme pasaran berjalan di mana ia akan mengimbangkan permintaan dan penawaran sehingga P_e dicapai.
 - Menambahkan import barang Z untuk menampung kekurangan penawaran Z dalam pasaran domestik.

27. Jika kereta dan petrol adalah 2 barang yang mempunyai permintaan yang berkait, pilih rajah menunjukkan hubungan harga kereta dan kuantiti petrol yang diminta?




28. Andaikan yang pihak pengurusan hotel-hotel di Malaysia ingin menaikkan kadar sewa bilik-bilik hotel kerana mereka berpendapat ini boleh meningkatkan jumlah hasil yang didapati. Pihak TDC menentang cadangan ini atas alasan bahawa langkah ini akan menyebabkan kadar pengurangan yang besar dalam bilangan pelancungan dan penginap di hotel dan ini seterusnya akan merugikan pihak pengurusan hotel dan industri pelancungan secara keseluruhannya. Apakah pendapat kedua-dua pihak yang terlibat mengenai keanjalan permintaan harga terhadap penginapan di hotel?
- Pihak pengurusan berpendapat permintaan itu anjal manakala TDC berpendapat ia tak anjal.
 - Pihak pengurusan berpendapat permintaan itu tak anjal sempurna manakala manakala TDC berpendapat ia anjal infiniti.
 - Pihak pengurusan berpendapat permintaan itu tak anjal manakala TDC berpendapat ia adalah anjal.
 - Pihak pengurusan berpendapat permintaan itu anjal infiniti manakala TDC berpendapat ia tak anjal sempurna.
29. Sekiranya harga barang X yang berubah pada suatu kadar tertentu menyebabkan kuantitinya yang diminta juga berubah dengan kadar yang sama besar, maka jumlah perbelanjaan ke atas barang itu akan:
- meningkat
 - menurun
 - malar
 - menjadi pasaran

30. Jika seorang pengguna menganggap kereta adalah barang mewah dan ikan sebagai barang perlu, apakah rumusan yang boleh dibuat mengenai keanjalan permintaan-harga bagi kereta (E_K) dan ikan (E_I)? (andaikan E_K dan E_I mengukur nilai-nilai mutlak bagi keanjalan permintaan-harga kereta dan ikan masing-masing).
- A. $E_K = E_I$ C. $E_I > E_K$
 B. $E_K > E_I$ D. $E_K = E_I = 1$
31. Keluk dalam rajah 5 mewakili:



- A. keluk permintaan bagi barang bawahan
 B. keluk penawaran X yang melengkong ke belakang
 C. keluk Engel bagi barang normal
 D. keluk Engel bagi barang bawahan


Bagi No. 32-34, sila rujuk kepada Rajah 6.



Rajah 6

32. Keluk-keluk I, II dan III masing-masing mewakili:
- Jumlah keluaran fisikal, keluaran marginal dan keluaran purata fisikal
 - Keluaran marginal, jumlah keluaran dan keluaran purata
 - Keluaran purata, jumlah keluaran dan keluaran marginal
 - Jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran marginal
33. Input yang diukur di paksi mendatar adalah:
- Input tetap
 - Input berubah
 - Input tetap dan input berubah
 - Input tetap atau input berubah
34. Pada peringkat pengeluaran yang awal, jumlah keluaran mula-mula bertambah dengan kadar yang meningkat, tetapi kemudian ia bertambah dengan kadar yang menurun. Perubahan dalam kadar pertambahan jumlah keluaran ini dicerminkan oleh:
- Jumlah keluaran yang mula-mula naik dan kemudiannya menurun
 - Keluaran purata yang mula-mula naik dan kemudiannya menurun
 - Keluaran marginal yang mula-mula naik dan kemudiannya menurun
 - Keluaran marginal yang mula-mulanya positif dan kemudiannya menjadi negatif
35. Di dalam teori kos pengeluaran firma, yang manakah di antara berikut adalah kos implisit?
- Penggunaan buruh ahli-ahli keluarga tanpa membayar gaji
 - Tanah yang dimiliki oleh firma itu diguna sebagai tapak membina kilangnya yang baru
 - Untung normal yang didapat oleh usahawan
 - Bayaran cukai lessen kepada kerajaan setiap tahun
- | | |
|------------------|------------------|
| A. I dan III | C. I, II dan IV |
| B. I, II dan III | D. I, III dan IV |

36. Manakah di antara berikut tidak merupakan kos tetap yang ditanggung oleh firma?
- kos membeli bahan-bahan mentah
 - premium insuran bagi asset-aset tetap firma itu
 - gaji pihak pengurusan atasan
 - sewa bagi bangunan
37. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah benar mengenai sebuah firma dalam jangka pendek?
- Dalam jangka pendek, firma tidak berupaya mengubah skel pengeluaran dan kadar penggunaan kapasiti lojinya.
 - Dalam jangka pendek, firma tidak berupaya mengubah skel pengeluaran tetapi boleh mengubah kadar penggunaan kapasiti lojinya.
 - Dalam jangka pendek firma mesti mendapat sekurang-kurangnya untung normal bagi meneruskan operasinya.
 - Dalam jangka pendek firma masih meneruskan operasinya walaupun ia dapat kerugian, dengan syarat ia dapat menanggung segala kos berubah.
- | | |
|---------------|--------------|
| A. II dan III | C. II dan IV |
| B. I dan III | D. I dan IV |
38. Bentuk keluk kos purata jangka panjang adalah tertakluk kepada:
- hukum pulangan fisikal marginal semakin berkurangan
 - hukum pulangan fisikal marginal semakin meningkat
 - hukum nisbah berubah
 - hukum pulangan mengikut skel
39. Rajah 7 menunjukkan keluk kos purata jangka panjang sebuah firma. Apabila firma mengeluarkan output yang melebihi OQ_1 unit ia mengalami:



Rajah 7

- A. Pulangan fisikal marginal makin berkurangan
- B. Pulangan fisikal marginal makin meningkat
- C. Pulangan meningkat mengikut skel (ekonomi bidangan)
- D. Pulangan menurun mengikut skel (di ekonomi bidangan)

Jadual berikut adalah sebahagian daripada jadual kos sebuah firma. Jawab No. 40-42 menggunakan maklumat dalam jadual tersebut.


<i>Keluaran harian unit</i>	<i>Kos tetap purata (\$)</i>	<i>Kos berubah Purata (\$)</i>	<i>Kos purata (\$)</i>
2	50.00	85	135.00
3	33.33	80	113.33
4	25.00	75	100.00
5	20.00	74	94.00
6	16.67	75	91.67

- 40. Apakah kos tetap purata yang akan ditanggung oleh firma ini jika paras keluaran ialah 10 unit sehari?
 - A. \$12.50
 - B. \$10.00
 - C. \$5.00
 - D. \$2.50

- 41. Apakah kos marginal yang ditanggung dalam pengeluaran unit keenam output itu?
 - A. \$30.00
 - B. \$50.00
 - C. \$70.00
 - D. \$80.00

- 42. Sekiranya firma ini dapat menjualkan keluaran itu dengan harga \$74 seunit, berapa banyakkah keluarannya pada jangka pendek?
 - A. 0 unit
 - B. 3 unit
 - C. 4 unit
 - D. 5 unit

No. 43-45 berpandukan Rajah 8 yang menunjukkan keluk-keluk kos dan hasil sebuah firma.




Rajah 8

43. Apakah bentuk keluk permintaan yang dihadapi oleh firma ini?
- A. Garis lurus menegak
 - B. Garis lengkung
 - C. Garis lurus mendatar
 - D. Garis lurus bercerun – 1
44. Titik A yang ditandakan dalam Rajah 8 dikenali sebagai:
- A. Titik keseimbangan firma
 - B. Titik kos optima
 - C. Titik tutup kilang
 - D. Titik pulang-modal
45. Bagi tahap-tahap output yang melebihi Q_1 tetapi kurang daripada Q_2 , firma ini mendapat:
- A. Untung sub-normal
 - B. Untung normal
 - C. Untung maksimum
 - D. Untung tulen
46. Dalam keseimbangan jangka panjang industri pertandingan tulen, manakah di antara persamaan-persamaan di bawah mencerminkan kecekapan pengeluaran firma-firma?
- A. Harga = Kos purata minimum
 - B. Harga = kos marginal
 - C. Harga = kos marginal minimum
 - D. Hasil marginal = kos marginal

47. Manakah di antara ciri-ciri pasaran pertandingan tulen yang berkait dengan keluk permintaan firma yang anjal sempurna?
- Bilangan firma dalam pasaran itu amat banyak.
 - Keluaran firma-firma adalah seragam.
 - Firma-firma itu tidak mempunyai sebarang kuasa monopolis.
 - Firma-firma hanya mampu memperolehi untung normal dalam jangka panjang.
- | | |
|---------------|------------------|
| A. I dan II | C. I, II dan III |
| B. II dan III | D. I, II dan IV |
48. Keluk penawaran jangka pendek sebuah firma dalam pertandingan sempurna boleh didapati daripada bahagian cerun menaik keluk:
- | | |
|-----------------------|---------------------|
| A. kos marginal | C. kos purata |
| B. kos berubah purata | D. kos tetap purata |

No. 49-51 adalah berdasarkan Rajah 9 yang menunjukkan keluk-keluk hasil dan kos sebuah firma.



Rajah 9

49. Apakah tahap keseimbangan output firma ini?
- | | |
|------------|------------|
| A. 20 unit | C. 80 unit |
| B. 60 unit | D. 90 unit |

50. Apakah tahap keluaran optimum firma ini?

A. 20 unit C. 80 unit
B. 60 unit D. 90 unit

51. Dalam keadaan keseimbangan, firma akan :

A. Menghentikan pengeluaran untuk meminimumkan kerugian
B. Menanggung rugi minimum sebanyak \$40/=
C. Menanggung rugi minimum sebanyak \$104/=
D. Menanggung rugi minimum sebanyak \$64/=


52. Yang manakah di antara berikut **tidak** merupakan contoh monopoli tulen di Malaysia?

A. Sistem Penerbangan Malaysia
B. Keretapi Tanah Melayu
C. Syarikat Telekom Malaysia
D. Pasaraya Gama

53. Sesuatu monopoli boleh wujud sekiranya permintaan pasaran adalah cukup kecil dan oleh itu hanya boleh disertai oleh sebuah firma tunggal sahaja yang beroperasi dalam keadaan kos berkurangan. Industri itu tidak mungkin dimasuki oleh firma kedua kerana kesukaran mengeluarkan output potensi pada kos total yang lebih rendah. Monopoli yang beroperasi dalam keadaan sedemikian dikenali sebagai:

A. Monopoli tulen
B. Monopoli kerajaan
C. Monopoli pembeli
D. Monopoli semulajadi

54. Rajah 10 menunjukkan keluk permintaan yang dihadapi oleh sebuah firma di mana ia mengenakan harga P_3 bagi OQ_1 unit, P_2 bagi Q_1Q_2 unit dan P_1 bagi Q_2Q_3 unit. Strategi harga yang digunakan oleh firma ini ialah:




Rajah 10

- A. Diskriminasi harga darjah pertama
 - B. Diskriminasi harga darjah kedua
 - C. Diskriminasi harga darjah rendah
 - D. Strategi harga bayangan
55. Pernyataan bahawa sebuah monopoli boleh menetapkan samada harganya atau tahap outputnya tetapi bukan kedua-duanya sekali bererti monopoli itu:
- A. Tidak dapat mengenalpasti keluk penawarannya
 - B. Tidak tahu kedudukan dan bentuk keluk permintaan pasaran yang dihadapinya
 - E. Dikawal oleh keluk permintaannya
 - F. Tidak mampu mengawal untungnya
56. Di manakah di antara berikut tidak merupakan amalan diskriminasi harga?
- A. Penjual mengenakan harga yang berlainan kepada pembeli yang berlainan untuk produk yang sama, umpamanya yuran perundingan doctor.
 - B. Penjual mengenakan harga yang berlainan bagi sesuatu produk bergantung kepada tujuan kegunaannya, umpamanya sewa lot bangunan.
 - C. Penjual mengenakan harga yang berlainan mengikut bilangan unit yang dibeli, umpamanya bayaran untuk kuasa letrik.
 - D. Penjual mengenakan harga yang berlainan bagi produk berasaskan mutunya, umpamanya tambang keretapi bagi kelas satu, dua dan tiga.

57. Firma-firma yang menjual barang-barang yang dibeza-bezakan tetapi merupakan pengganti bagi satu sama lain adalah:
- firma-firma monopoli
 - firma-firma pertandingan monopoli
 - firma-firma oligopoli
 - firma-firma pertandingan sempurna


Rajah 11 menunjukkan keluk-keluk kos purata (AC), kos marginal (MC) dan keluk hasil marginal (MR) yang mungkin dihadapi oleh sesebuah firma dalam pasaran pertandingan tak sempurna.




Rajah 11

58. Andaikan keseimbangan asal dicapai pada tahap output OQ_2 unit. Sekiranya kerajaan menghantar satu rombongan ke luar negeri dan mereka berjaya mendapat pasaran baru bagi keluaran X, maka apakah keseimbangan baru firma ini?
- OQ_1
 - OQ_2
 - OQ_3
 - OQ_4


59. Manakah di antara rajah-rajah ini menunjukkan keseimbangan jangka panjang sebuah firma pertandingan monopolis?




(A)



(B)



(C)




(D)

60. Pertandingan harga dan bukan-harga adalah paling lazim didapati dalam pasaran:
- A. Pertandingan tulen
 - B. Monopoli
 - C. Oligopoli tulen
 - D. Pertandingan monopoli
61. Manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut TIDAK benar mengenai sebuah firma yang beroperasi dalam pasaran pertandingan monopolis?
- A. Kewujudan bilangan firma yang banyak dan firma-firma mengeluarkan output yang menjadi pengganti yang rapat di antara satu sama lain.
 - B. Semua firm-firma mendapat untung normal sahaja dalam jangka panjang.
 - C. Persaingan yang semakin hebat dalam pasaran menyebabkan keluk permintaan yang dihadapi oleh sebuah firma menjadi semakin kurang anjal.
 - D. Firma-firma biasanya menggunakan pengiklanan sebagai alat untuk membesarkan syer pasaran mereka.

62. Manakah di antara berikut adalah sifat pasaran oligopoli?
- Pertandingan harga yang hebat antara firma-firma.
 - Pengakuan mengenai kebebasan firma-firma dalam penentuan harga.
 - Penerimaan mengenai hubungan saling berkaitan firma-firma dalam penentuan harga.
 - Pencapaian untung tulen oleh firma-firma kerana mengawal bahagian pasaran yang besar.
63. Yang manakah di antara berikut boleh dianggap sebagai industri oligopoli?
- industri petroleum
 - industri komputer
 - industri keluli
 - kesemua jawapan di atas benar
64. Bagi firma oligopoli, keluk permintaan adalah:
- kurang anjal bagi pengurangan harga berbanding dengan pertambahan harga
 - lebih anjal bagi pengurangan harga berbanding dengan pertambahan harga
 - lebih kurang sama keanjalan bagi kedua-dua pertambahan dan pengurangan harga
 - anjal sempurna kerana jika ia cuba mengubah paras harganya, pengguna akan lari ke firma-firma lain

Rajah 12 menunjukkan keluk-keluk hasil dan kos sebuah firma oligopoli. Jawab No. 65 dan 66 berasaskan rajah ini.



Rajah 12

70. Di antara aspek berikut, kita agak pasti bahawa kenyataan berikut benar?

- I. Setiap unit keluaran dapat digunakan.
 - II. Ada kegiatan ekonomi yang menjelaskan MEW.
 - III. Barang percuma tidak melibatkan pengorbanan.
 - IV. Barang ekonomi kekurangan kerana sumber terhad bagi pengeluarannya.
-
- A. I, II, III dan IV
 - C. I dan III sahaja
 - B. IV sahaja
 - D. III dan IV sahaja

BAHAGIAN B

Jawab hanya **SATU** (1) soalan daripada soalan berikut. Jawapan anda mestilah terperinci dan lengkap dengan rajah, contoh, model dan keterangan. Gunakan buku skrip jawapan. Asingkan jawapan Bahagian A (OMR) dari Bahagian B.

Soalan 2 (30 markah)

Apabila sesuatu sistem ekonomi dianugerah dengan sumber semulajadi yang banyak, negara itu akan menjalani proses pertumbuhan, pembangunan dan pemodenan secara otomatis. Bincangkan kenyataan ini dengan rujukan khas kepada peranan sumber-sumber utama sesebuah negara, sistem pentadbiran dan institusi masyarakat, kecekapan sektor awam, swasta dan isirumah, dan peranan modal fizikal, modal manusia dan tabungan di dalam sesebuah ekonomi

Soalan 3 (30 markah)

Dengan menggunakan logik penyukatan keluaran negara kasar (KNK), serta kepentingan kadar diskaun dalaman firma, i dan kadar bunga pasaran wang, r , terangkan isu-isu yang perlu dipertimbangkan untuk menganalisa kesimbangan ekonomi yang perlu bagi menilai sekaligus sektor benar dan sektor wang sesebuah ekonomi. Rajah dan Model yang sesuai diwajibkan.

Soalan 4 (30 markah)

Pemodenan sesebuah ekonomi mudah dicapai selagi pemimpin negara ada wawasan, dan sumber tanah, modal, buruh, pengurusan, usahawan dan teknologi wujud. Isu-isu gawat dan kemelesetan ekonomi tidak timbul kerana setiap orang tahu peranan, hak dan tanggungjawab masing-masing, dan bersikap rasional dalam membuat kataputus ekonomi. Masalah makreokonomi yang dihadapi oleh mana-mana negara boleh diatasi dengan doktrin asas Keynes. Bincangkan isu diatas dengan rujukkan khusus kepada perubahan, cara analisis ekonomi dari model klasik, model Keynes, idea Friedman dan model Laffer.

Soalan 5 (30 markah)

Isirumah dan firma mampu membantu dalam meningkatkan pengeluaran (output) negara selagi mereka rasional dan bekerjasama secara produktif dan kolektif. Isirumah mempunyai pertimbangan dan kepentingan yang sama seperti firma dalam isu-isu keseimbangan, pengotimuman dan pemaksimuman masing-masing. Bincangkan isu-isu ini dengan gambarajah dan contoh yang sesuai. Rajah mestilah diberikan penjelasan rapi, dengan perbandingan terperinci.